

Manfaat sekilas pandang



PERLINDUNGAN KENDERAAN KOMPREHENSIF

Perlindungan lengkap dan menyeluruh untuk anda, penumpang dan kereta anda!

1. Kereta anda akan dilindungi daripada **kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, kecurian atau kebakaran**.
2. Anda, penumpang anda dan pemandu yang dibenarkan akan dilindungi daripada **liabiliti undang-undang** bagi kecederaan, kematian dan kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga.
3. Anda dan pemandu yang dibenarkan akan dilindungi daripada tuntutan liabiliti undang-undang oleh penumpang anda.



PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI UNTUK ANDA SEKELUARGA BARU

Setiap individu yang menaiki kereta anda akan dilindungi secara automatik! **Perlindungan kemalangan diri sehingga RM250,000** bagi pemandu dan penumpang yang menaiki kereta anda.

Perlindungan Kemalangan Diri	Amaun Manfaat (bagi setiap individu di dalam kereta yang diinsuranskan)
Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Sehingga RM25,000
Indemniti Berganda bagi Cuti Umum Kebangsaan	RM25,000

Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan ("No-Claim-Discount" (NCD)) anda tidak akan terjejas bagi sebarang tuntutan di bawah manfaat ini.

- Untuk layak menerima Perlindungan Kemalangan Diri, pemandu mestilah berumur antara 17 hingga 75 tahun, dan penumpang perlu berusia antara 30 hari hingga 85 tahun.
- Sila rujuk kepada jadual tanggung rugi bagi Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan dalam kontrak polisi.
- Indemniti Berganda bagi Cuti Umum Kebangsaan akan dibayar untuk kematian akibat kemalangan yang berlaku pada hari cuti umum kebangsaan. Manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan.



DISKAUN KELUARGA UNTUK PELBAGAI KERETA DALAM ISI RUMAH YANG SAMA BARU

Nikmati **diskaun premium sebanyak 5%** jika anda dan keluarga anda melindungi 2 buah kereta atau lebih dengan kami, sehingga maksimum 4 buah kereta dalam isi rumah yang sama.

Jika anda atau ahli keluarga anda telah memiliki polisi **Family Drive**, pembelian polisi **Family Drive** yang seterusnya layak menerima Diskaun Keluarga. Selepas pembaharuan selanjutnya, kereta pertama yang diinsuranskan juga akan menerima Diskaun Keluarga.

Diskaun Keluarga akan terpakai keatas premium asas selepas NCD dan premium manfaat tambahan.



ELAUN KESULITAN APABILA KERETA ANDA TIDAK BOLEH DIGUNAKAN

Kereta yang perlu diperbaiki di bengkel akan menimbulkan kesulitan dan mengganggu rutin harian anda. Untuk membantu anda menghadapi kesukaran ini, kami akan membayar **elaun sebanyak RM600 bagi setiap kemalangan**.

Elaun tunai ini akan dibayar sekiranya berlaku kecurian, kerugian sepenuhnya atau tuntutan kerosakan melibatkan kereta anda akibat kemalangan.



PERLINDUNGAN AUTOMATIK BAGI SEMUA PEMANDU

Kesemua pemandu yang dibenarkan akan dilindungi secara automatik tanpa sebarang kos tambahan! Anda tidak perlu lagi menamakan pemandu yang dibenarkan.



PENGECUALIAN EKSES

Ekses merujuk kepada sebahagian jumlah kos pembaikan yang perlu anda bayar, apabila membuat tuntutan kerosakan kemalangan. **Ekses ini akan dikecualikan** jika kereta anda dibaiki di **bengkel panel AIA** atau **bengkel francais**. Kami akan membayar keseluruhan kos pembaikan untuk anda!



AIA ROADSIDE ASSIST

Kemalangan atau kerosakan kereta di jalan raya boleh membebankan dan memberi tekanan, terutama sekali ketika dalam perjalanan bersama keluarga anda. **AIA Roadside Assist** bersedia 24 jam sehari untuk memberikan pelbagai perkhidmatan tambah nilai bagi memastikan kelancaran perjalanan anda agar selamat sampai ke destinasi.

Pilihan manfaat tambahan



NILAI DIPERSETUJUI (Agreed Value)

Sekiranya kereta anda dicuri atau diisytiharkan sebagai kerugian sepenuhnya, polisi insurans motor akan membayar semula berasaskan nilai pasaran kereta ketika kejadian berlaku.

Untuk melindungi anda daripada susut nilai kereta anda, kami akan membayar anda jumlah perlindungan yang dipersetujui dan bukannya nilai pasaran, walaupun nilai pasaran adalah lebih rendah pada tarikh kejadian.

Manfaat ini disediakan untuk kereta berusia 10 tahun dan ke bawah.



PENGECUALIAN KOS PENAMBAHBAIKAN

Untuk kereta berusia 5 tahun dan ke atas, jika bahagian kereta yang rosak digantikan dengan alat ganti tulen yang baharu, anda perlu membayar sebahagian daripada kos alat ganti tulen baharu yang dikenali sebagai Penambahbaikan ("Betterment").

Dengan manfaat ini, kami akan mengecualikan kos Penambahbaikan dan membayar keseluruhan kos alat ganti tulen baharu tanpa memerlukan sebarang prosedur atau dokumen tambahan semasa proses tuntutan.

Manfaat ini disediakan untuk kereta berusia antara 5 dan 10 tahun.



KEROSAKAN CERMIN KERETA

Perlindungan terhadap kerosakan kepada cermin hadapan dan kesemua cermin kaca kereta anda. Kami akan membayar kos pembaikan dan penggantian tanpa menjejaskan NCD anda.



BENCANA ALAM (BENCANA KHAS)

Banjir kilat dan tanah runtuh berlaku tanpa diduga dan kerap melanda sepanjang tahun di Malaysia. Bencana-bencana tersebut menimbulkan kos pembaikan yang besar mahupun mengakibatkan kerugian menyeluruh. Manfaat ini akan melindungi kereta anda daripada kerugian atau kerosakan akibat banjir, ribut, tanah runtuh, gelinciran tanah, penenggelaman tanah atau bencana alam yang lain.

INSURANS KERETA AIA

Perjalanan tanpa kebimbangan bersama keluarga anda!

Insurans motor keluarga yang memberikan perlindungan, kemudahan dan penjimatan untuk anda sekeluarga.



AIA GENERAL BERHAD

aia.com.my



Mengapa Pilih Family Drive?

Family Drive adalah unik berbanding dengan pelan insurans motor di pasaran kerana ia menyediakan perlindungan serba lengkap yang memenuhi keperluan anda. Pelan ini bukan hanya melindungi kereta anda tetapi juga sesiapa sahaja yang menaiki kereta anda. Kini, anda boleh menikmati perjalanan tanpa kebimbangan bersama seisi keluarga anda!

Family Drive Insurans Kenderaan Komprehensif yang Dipertingkatkan		Insurans Kenderaan Persendirian Komprehensif
✓	Perlindungan Insurans Motor	✓
✓	Liabiliti Undang-Undang Pemandu terhadap Pihak Ketiga	✓
✓	Liabiliti Undang-Undang Penumpang terhadap Pihak Ketiga	✗
✓	Liabiliti Undang-Undang Pemandu terhadap Penumpang	✗
✓	Perlindungan Kemalangan Diri bagi pemandu dan penumpang: <ul style="list-style-type: none"> Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal Indemniti Berganda bagi Cuti Umum Kebangsaan 	✗
✓	Elaun Kesulitan	✗
✓	Perlindungan Automatik untuk Semua Pemandu	✗
✓	Pengecualian Ekses	✗
✓	Diskaun Keluarga	✗

Nota: Risalah ini adalah penerangan ringkas mengenai produk dan adalah tidak menyeluruh. Untuk penjelasan terperinci mengenai manfaat, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk kontrak polisi dan Helaian Pendedahan Produk.

Contoh perbandingan premium:

Butiran Kenderaan					Premium (RM)	
Buatan & Model	Tahun Pembuatan	Kuasa Kubik	Jumlah Diinsuranskan (RM)	NCD (%)	Family Drive	Polisi Kereta Persendirian Komprehensif (termasuk pilihan tambahan liabiliti terhadap penumpang dan daripada penumpang)
Honda Civic	2017	1799	80,000	38%	1,766.35	1,582.12
Toyota Camry	2016	2494	99,000	45%	1,830.96	1,672.61
Mercedes C180	2013	1796	90,000	55%	1,347.66	1,299.60

Ditaja jamin oleh:

AIA General Berhad (924363-W)
Menara AIA, 99 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Care Line: 1300 88 1899
Tel: 03-2056 1111
Faks: 03-2056 3891

AIA.COM.MY

AIA General Berhad dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

AIA ROADSIDE ASSIST Talian Perkhidmatan 24 Jam 1800 88 8733 / 03-7989 0352

PERKHIDMATAN PEMBAIKAN TEPI JALAN 24 JAM



Perkhidmatan ini ditawarkan dengan caj buruh percuma sehingga RM300 bagi setiap kejadian, termasuk perkhidmatan bantuan menunda.

Jika kereta anda mengalami kerosakan mekanikal atau kemalangan, bantuan ditawarkan dengan hanya satu panggilan! Pelbagai perkhidmatan tambah nilai disediakan untuk mengurangkan risiko dan kesulitan anda.

BANTUAN MEMBUAT LAPORAN POLIS

Pemandu trak tunda akan mengiringi anda ke balai polis untuk membuat laporan polis.



PERKHIDMATAN TUNDA KECEMASAN 24 JAM

Kami akan menunda kereta anda ke bengkel panel AIA atau bengkel francais yang terdekat. Semua perkhidmatan yang disediakan adalah percuma kepada anda tetapi tertakluk kepada had RM200 bagi setiap kemalangan.

PENGHANTARAN MESEJ KECEMASAN

Kami akan memaklumkan keluarga anda tentang keadaan anda di atas permintaan anda.

PERKHIDMATAN RUJUKAN PENGINAPAN HOTEL

Kami akan membantu untuk mengaturkan penginapan hotel.

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

Sekiranya berlaku kemalangan, kami akan menyediakan baucar pengangkutan untuk membantu anda sekeluarga pulang dengan selamat. Kos baucar akan ditanggung oleh kami. (untuk kemalangan kereta sahaja)

PERKHIDMATAN RUJUKAN KERETA SEWA

Jika anda memerlukan kereta sewa ketika kereta anda dibaiki, kami akan membantu untuk mengaturkan perkhidmatan kereta sewa.

PERKHIDMATAN RUJUKAN SAMPINGAN

Menghubungkan anda kepada bantuan yang bersesuaian apabila anda menghadapi kesulitan.

- ✓ Bantuan Perubatan Domestik
- ✓ Bantuan Rumah
- ✓ Bantuan Perjalanan

Nota:

- Had Kawasan** – Perkhidmatan Pembaikan Tepi Jalan dan Perkhidmatan Penundaan boleh didapati di seluruh Semenanjung Malaysia, tidak termasuk mana-mana pulau (kecuali Langkawi dan Pulau Pinang). Untuk Malaysia Timur, perkhidmatan tersebut disediakan dalam lingkungan jarak 25 km dari pusat bandar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Labuan, Sibul, Bintulu, Miri, Kuching dan di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo.
- Sebarang kos yang ditanggung untuk caj tol, alat ganti, bateri atau petrol yang diperlukan semasa bantuan kerosakan akan ditanggung oleh pihak anda.
- Bagi perkhidmatan rujukan di atas, kos sebenar yang dikenakan bagi perkhidmatan tersebut akan ditanggung oleh pihak anda. Perkhidmatan rujukan adalah disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan kesinambungan perkhidmatan tersebut adalah tidak dijamin.
- Perkhidmatan diterima atas risiko anda sendiri.

AIA Roadside Assist tidak disediakan bagi keadaan-keadaan berikut:

- Kenderaan tersebut dipandu oleh seseorang yang tidak memiliki lesen memandu yang sah, di bawah pengaruh dadah dan/atau alkohol;

- Kenderaan tersebut tidak mempunyai cukai jalan yang sah;
- Kenderaan tersebut telah diubahsuai untuk penyertaan dalam rali dan perlumbaan motor, atau telah diubahsuai yang melanggar sebarang undang-undang dan/atau peraturan atau digunakan untuk sebarang tujuan haram atau tidak sah;
- Kenderaan tersebut adalah sebuah kenderaan komersial;
- Kerosakan kenderaan adalah di luar had kawasan;
- Kenderaan tidak dapat digerakkan disebabkan tiada kunci atau kunci ditinggalkan/terkunci di dalam kereta;
- Bahagian mekanikal kenderaan, seperti enjin atau transmisi, telah dikeluarkan atau kenderaan tersebut telah ditinggalkan sepenuhnya atau sebahagiannya di bengkel;
- Kenderaan berada di lokasi yang sedang atau akan menjalankan aktiviti mogok, rusuhan atau kekecohan awam, seperti yang disiarkan/diumumkan menerusi media masa;
- Menunda kenderaan untuk tujuan melupakan kenderaan, memindahkannya dari satu bengkel ke bengkel lain, atau setelah kenderaan dihantar untuk disembur cat; dan
- Kenderaan dicuri yang telah ditemui atau kenderaan terbiar yang telah dilakumuskan.